

**SEMAKAN HARGA GAS ASLI  
BAGI SEKTOR BUKAN ELEKTRIK  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

1. Selaras dengan program transformasi ekonomi negara, Kerajaan telah bersetuju dengan kerangka kerja kawal selia berdasarkan insentif (*Incentive-Based Regulation - IBR*) yang merangkumi semakan tarif asas gas asli dan pelaksanaan mekanisme *Gas Cost Pass-Through* (GCPT) bagi Gas Malaysia Berhad (GMB).
2. Sehubungan itu, Kerajaan telah memutuskan bahawa tarif asas gas asli bagi pelanggan GMB disemak seperti berikut:

Kategori Tarif	Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)	Tarif Semasa (RM/mmBtu)	Tarif Asas Mulai 1 Januari 2017 hingga 30 Jun 2017 (RM/mmBtu)
A	Pengguna domestik	19.52	19.26
B	0 - 600	25.20	24.86
C	601 - 5,000	25.33	24.99
D	5,001 - 50,000	25.58	25.24
E	50,001 - 200,000	26.69	26.33
F	200,001 - 750,000	26.69	26.33
L	Melebihi 750,000	27.58	27.21
<b>Purata</b>		<b>27.05</b>	<b>26.71</b>

3. Selain itu, Kerajaan turut memutuskan pelaksanaan mekanisme GCPT dengan pemberian rebat sebanyak RM0.40/mmBtu daripada tarif asas di atas kepada kesemua kategori tarif pelanggan GMB bermula 1 Januari 2017 sehingga 30 Jun 2017.
4. Berikutan semakan tarif asas dan pelaksanaan mekanisme GCPT, pelanggan-pelanggan GMB akan mendapat manfaat penurunan tarif gas asli sebanyak 2.80 hingga 3.38 peratus.